

## Berita-berita Ringkas Dari Alam Islami

- Datuk Dr. Abdul Jalil Hassan kembalinya

beliau dari Makkah setelah menghadiri mesyuarat

Jawatankuasa Pentadbir Perikatan Islam Sedunia

menyatakan bahawa Sidang Kemuncak Negara-negara Islam Sedunia –

buat pertama kalinya – akan dilangsungkan pada tahun depan.

Katanya lagi: “Keputusan untuk mengadakan Sidang

Kemuncak Negara-negara Islam itu telah disetujui sebulat

suara dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Negara-negara

Islam Sedunia selama seminggu mulai dari 19 *March*

1966 yang lalu. Seramai 38 orang wakil-wakil dari

negara-negara Islam di dunia – kecuali Indonesia – telah

hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir di Makkah

itu.”

Seterusnya Datuk Abdul Jalil menerangkan lagi:

“Oleh kerana sidang ini paling besar, maka Perikatan

Islam Sedunia merasa perlu tempoh persiapan untuk

menjadikan Sidang Kemuncak itu diadakan selama setahun.

Tujuan Sidang Kemuncak itu diadakan ialah untuk

mencari saling bersefahaman antara negara-negara Islam

sedunia dengan memberikan kerjasama yang seerat-eratnya dalam

lapangan politik, ekonomi, kebudayaan dan keislaman

tanpa memperhitungkan soal-soal perkauman yang sempit.”

\* \* \*

Raja-raja dan ketua-ketua seluruh negara Arab baru-baru

ini telah mengundang U Thant, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa

Bersatu untuk melawat tempat-tempat perkhemahan orang-orang

pelarian Arab Palestin yang berada di negeri-negeri Jordan,

Lubnan, Syria dan Republik Arab Bersatu; surat

undangan itu telah disampaikan dengan rasminya kepada U Thant

oleh Tuan ‘Abd al-Mun‘im al-Rifā‘ī wakil kerajaan Jordan

di Bangsa-bangsa Bersatu – surat undangan tersebut ditandatangani

oleh raja-raja dan ketua-ketua dari 12 buah negara-negara Arab.

Pada dasarnya undangan itu telah diterima baik oleh

U Thant, tetapi beliau belum lagi dapat menetapkan masa,

bila ia akan dapat pergi melawat tempat-tempat perkhemahan

orang-orang pelarian Arab Palestin itu. Walaubagaimanapun,

U Thant berjanji bahawa beliau sentiasa mengambil-berat tentang

nasib orang-orang pelarian tersebut.



Gambar ini diambil sewaktu para ulama yang datang dari seluruh negara Islam untuk menghadiri mesyuarat

Jawatankuasa Pentadbir Perikatan Islam Sedunia yang diadakan di kota suci Makkah. sedang menghadap Duli

Yang Maha Mulia Raja Faisal di istana baginda. Nombor satu dari kanan kelihatan wakil dari Malaysia Datuk Dr.

Abdul Jalil Hassan.